

**MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM CINTA ILMU SEMPENA HARI BUKU & HAK  
CIPTA SEDUNIA**

**AUDITORIUM, PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT  
AKADEMIK, UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK, 27  
APRIL 2017**

**TEKS UCAPAN KATA ALUAN  
KETUA PUSTAKAWAN UNIVERSITI MALAYSIA  
SARAWAK**

Terima Kasih, Saudari Pengacara Majlis

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam  
UNIMASKu Sayang

Yang Berbahagia Profesor **Dr Wan Hashim Bin Wan Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yg Berusaha PM Dr Jane Labadin  
Pengarah UNIMAS Publisher

Yg Berusaha Sdra Macfarlaine, Penolong Ketua Pustakawan  
Selaku Pengerusi JK Pelaksana

**YANG DIHORMATI,**

Dekan-Dekan,  
Pengarah-Pengarah  
PM Dr. Mus Chairil Samani

PM Dr. Jeniri Amir  
Timbalan-Timbalan Dekan  
Pegawai-Pegawai Akademik  
Pegawai Pengurusan UNIMAS

Ketua – Ketua/Wakil Perpustakaan  
Guru Besar/Wakil Sekolah Negeri Sarawak  
Wakil Pejabat Pendidikan Daerah Kota Samarahan

Tn Hj Suib, Pegawai Projek Pendidikan Yayasan Kemajuan Insan (YAKIN)  
En James Ritchie, Executive Editor Sarawak Tribune  
En Anthony Pine  
Rakan-Rakan Media, Wakil Pembekal Dan Penerbit  
Serta semua jemputan yang dihormati sekalian.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan mengalu-alukan kehadiran semua ke Program Cinta Ilmu Sempena Hari Buku & Hak Cipta Sedunia peringkat UNIMAS pada pagi ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada Yang Berbahagia, Profesor **Dr Wan Hashim Bin Wan Ibrahim** Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di atas kesudian untuk hadir merasmikan Majlis.

### **Sidang hadirin**

Program Cinta Ilmu ini diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di mana Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO) telah menetapkan 23-30 April setiap tahun sebagai hari yang bersejarah ini.

Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit merupakan satu program yang diadakan di seluruh Malaysia, bermula dari 2014 . Ia merupakan inisiatif ke arah memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat walaupun dalam tempoh yang singkat iaitu, 10 minit tetapi sekiranya dipupuk secara berterusan akan menjadi satu amalan. Dari satu amalan ianya akan menjadi satu budaya ke arah masyarakat berlimu. Mengikut **Albert Einstein** “ If you want your children to be intelligent, read them fairy tales. If you want them to be more intelligent , read them more fairy tales”. **Confucius** juga berkata” No matter how busy you may think you are, you must find time for reading, or surrender yourself to self-chosen ignorance”. **Thomas Jefferson** “ I cannot live without books”.

UNIMAS sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang terlibat secara langsung dalam penjanaan dan penyebaran ilmu tidak boleh lari dari dunia buku dan hakcipta. Tahun ini seperti juga tahun lepas program ini dianjurkan bersama dengan UNIMAS Publisher. Antara pengisian program adalah Pelancaran buku baharu , Anugerah Peminjam Terbanyak 2016, Penyerahan Sumbangan buku oleh penulis terkenal En. James Ritchie, Penyerahan bahan bacaan kepada sekolah-sekolah, Jom Baca 10 Minit, Bicara Buku oleh PM Dr . Mus Chairil Samani & PM Dr. Jeniri Amir, pameran/jualan buku dan aksesori ICT sementara pada sebelah petang pula diadakan Bengkel Pangkalan Data Atas Talian IEEE oleh En. Edward Kennedy.

Program ini juga bertujuan untuk merealisasikan matlamat Universiti dan negara ke arah kecemerlangan dalam pembelajaran, pengajaran, dan kesarjanaan. Ini adalah selari dengan usaha untuk melahirkan “Modal Insan Kelas Pertama” yang dapat dipupukkan melalui peningkatan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan, pengukuhan dalam ilmu sains dan teknologi, penyelidikan dan

inovasi seterusnya pembentukan masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan mental dan fizikal.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UNIMAS Publisher yang telah bekerjasama dengan CAIS sejak tahun lepas dalam menjayakan program ini .

Terima kasih juga diucapkan kepada semua Guru Besar/ wakil 12 buah sekolah sekitar kawasan Kuching, Kota Samarahan dan Serian di atas kehadiran bersama pelajar-pelajar sekolah, YAKIN dan En James Ritchie, Penyunting Eksekutif Sarawak Tribune yang sudi menyumbang buku beliau pagi ini.

Setinggi penghargaan kepada PM Dr. Mus Chairil Samani & PM Dr. Jeniri Amir kerana sudi untuk berkongsi ilmu dalam slot Bicara Buku, En Anthony Pine yang sudi bersama dengan *Story Telling* “A Crocodile Named Tom” , pelajar-pelajar SK Empila, Kota Samarahan dengan persembahan *Choral Speaking*, pihak Media dan ucapan tahniah ditujukan kepada JK Pelaksana yang telah bekerja keras untuk menjayakan majlis kita pagi ini dan kita berharap aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang hari ini menjadi landasan untuk program-program seumpamanya dirancang dan dilaksanakan secara berterusan.

Sekian terima kasih.